

MAJLIS PERBANDARAN KLANG



IKLAN BAZAR JUADAH 2022

JABATAN PENGURUSAN PASAR DAN PENJAJA
TINGKAT 2, BANGUNAN E-LIBRARY, JALAN TENGGU KELANA, KLANG,
SELANGOR

SYARAT-SYARAT TAPAK JUADAH BAZAR RAMADAN 2022

1. Semua permohonan hendaklah dibuat melalui pihak Majlis.
2. Ukuran bagi satu petak ialah 8' x 8'.
3. Pemohon mestilah Warganegara Malaysia dan berumur 18 tahun dan ke atas.
4. Peniaga dikehendaki membuat bayaran terus untuk tempoh sebulan perniagaan dijalankan bagi setiap petak yang digunakan.
5. Peniaga hanya dibenarkan menggunakan payung / khemah dan meja lipat sahaja.
6. Semua tapak dikendalikan sepenuhnya oleh Majlis.
7. Kadar bayaran yang dikenakan adalah :
 - 7.1 RM5.00 X 30 hari = RM150.00 bagi satu petak.
 - 7.2 RM5.00 X 26 hari = RM130.00 bagi satu petak (pasar malam).
 - 7.3 RM5.00 X 22 hari = RM110.00 bagi satu petak (**BAZAR SIMPANG EMPAT, SG. UDANG**).
8. Kadar bayaran tambahan sebanyak RM 60.00 dikenakan kepada peniaga air kelapa dan tebu yang memproses / memesin / mengupas / membelah buah kelapa atau tebu di tapak bazar.
9. Kadar bayaran ini merangkumi bayaran kos pentadbiran dan pembersihan.
10. Mematuhi syarat-syarat pelesenan dan kesihatan iaitu:
 - a. Semua pengendali makanan **diwajibkan menghadiri** taklimat Bazar Ramadhan sebelum perniagaan dijalankan.
 - b. Semua pengendali makanan mestilah mengemukakan salinan suntikan anti tifoid (Ty2) yang masih aktif ketika permohonan dihantar dan menjaga kebersihan diri dan makanan yang dijual.
 - c. Semua peniaga diwajibkan memakai apron dan tutup kepala.
11. Kad Suntikan Anti Tifoid hendaklah dikemukakan semasa menghantar borang permohonan.
12. Tidak meninggalkan peralatan perniagaan selepas waktu perniagaan.
13. Bayaran lesen sementara bazar Ramadhan hendaklah dijelaskan semasa menghantar borang permohonan.
14. Sampah-sarap hendaklah dibuang ke dalam plastik sampah yang disediakan sendiri oleh peniaga dan peniaga adalah bertanggungjawab terhadap kebersihan kawasan sendiri.

15. Pemohon diminta mengemukakan sesalinan penyata akaun bank di atas nama pemohon sendiri bagi memudahkan proses pemulangan wang bayaran sekiranya terdapat perubahan kepada bazar Ramadan ini.
16. Setiap pemohon diwajibkan untuk menjelaskan semua kompaun tertunggak (sekiranya ada) sebelum menghantar borang permohonan.
17. **Satu permohonan hanya untuk satu petak sahaja** bagi satu keluarga (suami / isteri / anak yang masih ditanggung) untuk permohonan di semua tapak Bazar Ramadan bagi memberi peluang perniagaan kepada semua orang.
18. **Seorang pemohon boleh membuat satu permohonan sahaja sama ada permohonan untuk Bazar Juadah makanan atau permohonan bukan makanan (Jalan Taiping & Lorong Selamat).**
19. Proses pengundian petak akan dilakukan secara langsung (*Live*) di Facebook Majlis Perbandaran Klang dan pemohon boleh menonton proses tersebut.
20. Keputusan adalah muktamad dan akan diwarwarkan melalui *Website* dan *Facebook* Majlis Perbandaran Klang. Pemohon juga boleh menonton rakaman proses undian melalui *Facebook* Majlis Perbandaran Klang.
21. Pemohon dikehendaki untuk membawa resit asal sebagai bukti ketika mengambil permit tersebut.
22. Majlis tidak akan bertanggungjawab sekiranya pemohon mengambil keputusan untuk tidak berniaga setelah permohonan diproses dan wang bayaran tidak akan dipulangkan semula.
23. Sebarang bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan sekiranya pemohon mengambil keputusan untuk tidak- menjalankan aktiviti perniagaan setelah permohonan tersebut diproses.

(Azhar bin Samsudin)
b.p. Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Klang.

***Sebarang pindaan adalah tertakluk kepada keputusan Majlis yang terkini.**

PPSR/TPR/PPT(K)



IKLAN **BAZAR JUADAH RAMADAN 2022**

Semua permohonan perlu dibuat secara atas talian melalui Sistem Permohonan Permit Perniagaan Sementara dengan melayari portal Majlis Perbandaran Klang (<https://www.iportal.mpklang.gov.my/PermitOnline>)

TARIKH BUKA : 01 FEBRUARI 2022

TARIKH TUTUP : 28 FEBRUARI 2022

TARIKH UNDIAN PETAK : 22 MAC 2022 – 24 MAC 2022

TARIKH MULA PERNIAGAAN : 03 APRIL 2022 – 02 MEI 2022

SEMUA PERMOHONAN HENDAKLAH DIHANTAR PADA ATAU SEBELUM TARIKH TUTUP PERMOHONAN. PERMOHONAN YANG DITERIMA SELEPAS 28 FEBRUARI 2022 TIDAK AKAN DIPROSES ATAU DILAYAN.

UNDIAN PETAK BAGI BAZAR RAMADHAN AKAN DILAKUKAN **SECARA LANGSUNG (LIVE)** DI FACEBOOK MAJLIS PERBANDARAN KLANG.



IKLAN

CABUTAN UNDI BAZAR JUADAH RAMADAN 2022


CADANGAN TARIKH CABUTAN UNDI BAZAR RAMADHAN

| BIL. | KAWASAN | LOKASI BAZAR | TARIKH | MASA |
|-------------|----------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------|----------------|
| 1. | PELABUHAN KLANG (4 LOKASI) | <ul style="list-style-type: none">• Lorong Haji Umar, Pulau Indah, (Kecuali hari Ahad).• Taman Kem, Pelabuhan Klang, (Kecuali hari Khamis).• Jalan Petola, Kg Raja Uda (Kecuali hari Khamis).• Flat Samudera. | 22/03/22 (Selasa) | 9.30 pagi |
| 2. | PANDAMARAN (4 LOKASI) | <ul style="list-style-type: none">• Pandamaran Jaya, Jalan 9• Taman Pandamar Indah.• Bukit Tinggi Depan Flat Bukit Tinggi, Jalan Batu Nilam 34(Burgerking).• Pangsapuri Seri Perantau. | | 3.00 petang |
| 3. | KLANG SELATAN (6 LOKASI) | <ul style="list-style-type: none">• Jalan Sri Sarawak (Kecuali hari Selasa).• Simpang Empat, Sg Udang (Kecuali hari Jumaat & Ahad)• Kg Delek (Kecuali hari Jumaat)• Taman Setia, Johan Setia• Bandar Puteri• Taman Rakyat, Andalas (hanya untuk peniaga 3P Taman Rakyat dan peniaga yang mempunyai resit bayaran (PIN.38) tahun 2021 sahaja) | 23/03/22 (Rabu) | 9.30 Pagi |
| 4. | KLANG UTARA (6 LOKASI) | <ul style="list-style-type: none">• Jalan Kluang.• Jalan Bukit Kuda.• Lorong Musran, Rantau Panjang (Kecuali hari Jumaat).• Jalan Keretapi Lama, Batu 4 Jalan Kapar (Kecuali hari Isnin).• Bandar Baru Klang, Jalan Tiara 5 (Hadapan Flat Mawar).• Bersebelahan Masjid As Saadah, Bandar Sultan Suleiman. | | 3.00 petang |

| BIL. | KAWASAN | LOKASI BAZAR | TARIKH | MASA |
|------|------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------|--------------|
| 5. | MERU (3 LOKASI) & KAPAR (4 LOKASI) | <ul style="list-style-type: none"> Taman Meru Indah (Hadapan Speedmart 99). Jalan Paip, Pekan Meru (Kecuali hari Ahad). | 24/03/22 (Khamis) | 9.30 Pagi |
| 6. | MERU (3 LOKASI) & KAPAR (4 LOKASI) | <ul style="list-style-type: none"> Jalan Raja Mokhtar (Kecuali hari Jumaat) Taman Sg Kapar Indah (Kecuali hari Sabtu) Taman Cempakasari (Kecuali hari Sabtu) | | 3.00 Ptg |

Cara Undian :-

- i. Cabutan undi secara langsung (*Live*) akan disiarkan melalui Facebook Majlis Perbandaran Klang.
- ii. Pemohon hanya perlu menonton cabutan secara langsung dan mengambil maklum apabila nama pemohon dipanggil berdasarkan jadual yang telah ditetapkan mengikut lokasi yang dipohon.
- iii. Cabutan undi akan dilakukan oleh pihak dari jabatan lain selain Jabatan Pengurusan Pasar dan Penjaja.
- iv. Pemohon yang berjaya hendaklah membawa resit pembayaran semasa mengambil permit.


 (Azhar bin Samsudin)
 b.p. Yang Dipertua,
 Majlis Perbandaran Klang.

***Sebarang pindaan adalah tertakluk kepada keputusan Majlis yang terkini.**



IKLAN **NORMA BARU PEMATUHAN SOP KENDIRI**

SEMUA PENIAGA DIWAJIBKAN MEMATUHI SOP TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT BERIKUT:-

- (1) Semua peniaga dan pelanggan dibenarkan berniaga dan masuk ke tapak mesti menunjukkan Kad/Sijil Digital Vaksinasi Covid-19 yang membuktikan peniaga dan pelanggan tersebut telah divaksin lengkap.
- (2) Peniaga di kehendaki juga untuk menyediakan QR code untuk di imbas oleh pelanggan dan menyediakan buku rekod kehadiran pelanggan sendiri.
- (3) Peniaga juga dikehendaki untuk memantau pelanggan yang hadir supaya sentiasa mematuhi jarak fizikal 1 meter dan peniaga sendiri haruslah mengambil barang yang dijual untuk diberikan kepada pelanggan.
- (4) Selain itu peniaga diwajibkan untuk memasang tirai lutsinar di kiri dan kanan gerai masing-masing bagi mengurangkan risiko jangkitan.
- (5) Peniaga gagal mematuhi mana-mana syarat yang ditetapkan boleh dikenakan tindakan dengan menarik semula permit perniagaan yang diberikan dan tidak dibenarkan untuk berniaga.

(Azhar bin Samsudin)
b.p. Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Klang.

***Sebarang pindaan adalah tertakluk kepada keputusan Majlis yang terkini.**